

30 MAY 2003

Pairin-Kaamatan

PAIRIN RAKAM PENGHARGAAN KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Presiden Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA) Datuk Joseph Pairin Kitingan merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas perutusan sempena sambutan Tadau Kaamatan.

"Saya telah membaca mesej daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bagi pihak rakyat Sabah khususnya masyarakat Kadazandusun, saya ucapkan terima kasih dan penghargaan kepada beliau," kata Pairin dalam ucapan pada majlis Rumah Terbuka Tadau Kaamatan Huguan Siou-KDCA 2003 di sini hari ini.

Ketua Menteri Datuk Musa Aman adalah tetamu kehormat pada sambutan itu yang turut dihadiri menteri-menteri kabinet negeri dan Persekutuan.

Semalam Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan selamat menyambut Tadau Kaamatan kepada masyarakat Kadazandusun dan Murut yang akan menyambut perayaan itu hari ini dan esok.

Perdana Menteri berkata, hari kebesaran yang disambut bagi merayakan hari menuai bagi suku kaum Kadazandusun dan Murut turut dikenali di kalangan kaum-kaum lain di Malaysia dan kerajaan.

"Ini membuktikan yang negara tidak mendiskriminasikan atau mengeneipkan mana-mana suku kaum di Malaysia dalam mempraktikan adat resam, budaya atau kepercayaan masing-masing," kata Dr Mahathir dalam perutusan itu.

Pairin yang juga "Huguan Siou" (pemimpin agung) bagi masyarakat Kadazandusun berkata KDCA akan terus berganding bahu dengan kerajaan dalam menjadikan Tadau Kaamatan sebagai penghubung perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

"Penonjolan kepelbagaian budaya tradisi turut memperlicinkan integrasi rakyat majmuk di negara ini," kata beliau.

-- BERNAMA

JS RHM